

Menara 100 tingkat: Pendirian Khalid berubah-ubah
Malaysiakini.com
November 09, 2010

Dalam ucapannya bajet semalam, menteri besar Selangor itu tak sokong Menara 100 tingkat Warisan Merdeka, tapi dalam sesi soal jawab di DUN hari ini, beliau kata sokong, tetapi sejurus kemudian beliau menjelaskan dalam facebooknya, tidak sokong pula.

Dalam ucapan bajet di Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengkritik pembinaan menara tersebut. yang disifatkanya sebagai 'tidak mendahului kepentingan rakyat'.

Dalam sesi jawab di DUN hari ini, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menggesa kerajaan negeri mengambil pendekatan terbuka terhadap cadangan pembinaan projek kontroversi Menara Warisan Merdeka setinggi 100 tingkat di ibunegara.

Katanya, Selangor adalah sebahagian daripada pelan pembangunan semula 'Greater Kuala Lumpur' yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pusat, dan oleh kerana itu, adalah munasabah untuk negeri itu memberikan sokongannya.

Katanya, Menara 100-tingkat itu adalah sebahagian dari projek Greater KL-Lembah Klang, yang mana kerajaan negeri seharusnya menyokong kerana ia melibatkan Selangor.

Bagaimanapun, dalam facebooknya kemudiannya, Khalid menulis bahawa Selangor sedia kerjasama dengan persekutuan demi membangunkan Lembah Klang, tetapi tidak menyokong projek meja seperti Menara Warisan Merdeka.